

NO. SOALAN: 439

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQUULLAH  
[ KUBANG KERIAN ]**

**SOALAN :**

Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [ Kubang Kerian ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah proaktif Suruhanjaya Pengangkutan Awam (SPAD) dalam menyelesaikan isu peningkatan kes jenayah yang dilakukan oleh pemandu di bawah sistem E-Hailing seperti Grab Car dan Uber.

**JAWAPAN:      YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sentiasa mengutamakan keselamatan dan keselesaan pengguna pengangkutan awam darat. Oleh yang demikian, perkhidmatan *e-hailing* juga tidak akan terkecuali. Bagi tujuan ini jugalah, cadangan pindaan kepada Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 telah dibawa ke Parlimen untuk membolehkan SPAD mengawal selia dan memantau aplikasi *e-hailing* sebagai perkhidmatan perantara. Langkah pengawalseliaan ini antara lain boleh memastikan semua penyedia aplikasi menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan menjamin keselamatan kepada pemandu dan pengguna.
2. Di samping itu, SPAD juga telah merangka polisi baharu dengan memperkenalkan beberapa syarat dan standard operasi bagi memastikan keselamatan pengguna, pemandu dan pengguna jalan raya yang lain tidak dikompromi. Antaranya ialah:
  - (i) Bermula pada 16 Jun 2017, pengendali *e-hailing* diwajibkan untuk mengemukakan rekod-rekod pemandu kepada SPAD;
  - (ii) Pemandu-pemandu *e-hailing* juga akan perlu melalui proses saringan pemandu yang lebih menyeluruh dan efektif dan diwajibkan untuk memiliki Kad Pemandu yang dikeluarkan oleh SPAD untuk beroperasi sebagai

pemandu e-hailing. Ini adalah untuk membolehkan SPAD melaksanakan saringan latar belakang yang lebih ketat dengan usaha sama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis diRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);

- (iii) Pemandu *e-hailing* juga diwajibkan menjalani program latihan bagi meningkatkan kualiti pemandu melalui modul latihan baharu, sebagaimana pemandu teksi konvensional;
- (iv) syarikat-syarikat teksi dan *e-hailing* akan diperkenalkan dengan syarat-syarat operasi baharu dengan menetapkan sasaran *Key Performance Indicators* (KPI) dimana pemandu akan dipantau oleh syarikat;
- (v) Pengendali *e-hailing* juga diwajibkan untuk menyerahkan data bulanan mengenai pemandu-pemandu yang telah dikenal pasti atas kesalahan trafik, tingkah laku dan perkhidmatan. Ini bagi membolehkan SPAD meneliti senarai pemandu tersebut dan jika perlu, untuk menyenarai hitam dan menghalang mereka daripada bermigrasi kepada syarikat teksi atau perkhidmatan *e-hailing* yang lain;
- (vi) Kenderaan yang digunakan dalam menyediakan perkhidmatan *e-hailing* juga akan diwajibkan menjalani pemeriksaan *roadworthiness* bagi memastikan ia selamat digunakan dan berdaftar dengan SPAD; dan

- (vii) Semua syarikat dan pemandu *e-hailing* dikehendaki mematuhi semua syarat-syarat lesen dan operasi sebagai penyedia perkhidmatan *e-hailing*.
3. Salain daripada itu, SPAD pada 13 Jun 2017 yang lalu telah mengeluarkan kenyataan media yang mewajibkan kesemua penyedia perkhidmatan pengantara untuk menyediakan fungsi butang kecemasan (*SOS button*) dalam aplikasi masing-masing bagi memudahkan pengguna atau pemandu mendapatkan bantuan jika berlaku kecemasan atau jenayah.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 440

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**KAWASAN : BANDAR KUCHING**

**SOALAN:**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa peruntukan perbelanjaan bekalan dan perbelanjaan pembangunan diperuntukkan untuk Kementerian Kerja Raya dalam tahun 2015, 2016 dan juga 2017 adalah untuk dibelanjakan di Negeri Sarawak. Apakah peratusan peruntukan tersebut terdiri daripada peruntukan keseluruhan di bawah Kementerian Kerja Raya.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Peruntukan Mengurus (bekalan) dan Pembangunan yang diterima Kementerian Kerja Raya bagi **negeri Sarawak** adalah seperti jadual berikut:

TAHUN	2015	2016	2017*	JUMLAH
<b>Peruntukan Pembangunan</b>	RM 294.9 juta	RM 357.46 juta	RM 319.86 juta	<b>RM 972.22 juta</b>
<b>Peruntukan Mengurus</b>	RM 68.9 juta	RM 43.7 juta	RM 47.1 juta	<b>RM 159.70 juta</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 363.80 juta</b>	<b>RM 401.16 juta</b>	<b>RM 366.96 juta</b>	<b>RM 1,131.92 juta</b>

\*

### Nota:

- \* Bagi tahun 2017 adalah berdasarkan kelulusan peruntukan yang diterima daripada Kementerian Kewangan setakat 15 Mei 2017 sahaja.

Peruntukan Mengurus yang diterima ini adalah daripada butiran bajet Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Labuan iaitu melibatkan skop kerja-kerja penyelenggaraan rutin, berkala dan kecemasan. Daripada segi peratusan Peruntukan Mengurus untuk negeri Sarawak ini berbanding peruntukan keseluruhan di bawah butiran bajet ini adalah seperti berikut iaitu 43.06% bagi tahun 2015, 46.54% bagi tahun 2016 dan 74.67% bagi tahun 2017.

Manakala, Peruntukan Pembangunan yang diterima adalah bagi tujuan pelaksanaan projek-projek baru dan naiktaraf di negeri Sarawak. Daripada segi peratusan Peruntukan Pembangunan untuk negeri Sarawak berbanding peruntukan keseluruhan Kementerian, ianya

adalah seperti berikut iaitu 10.18% bagi tahun 2015, 10.81% bagi tahun 2016 dan 11.08% bagi tahun 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Pembangunan Kementerian Kerja Raya di atas tidak termasuk peruntukan bagi projek Lebuhraya Pan Borneo di bawah peruntukan pembangunan butiran P.6 - Jabatan Perdana Menteri. Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak telah menerima peruntukan sebanyak RM 1 bilion untuk tahun 2016 dan RM1 bilion lagi untuk tahun 2017. Dengan mengambil kira peratusan peruntukan pembangunan diterima Kementerian Kerja Raya dan peruntukan bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak di atas, peratusan peruntukan untuk tujuan pembangunan di negeri Sarawak berbanding keseluruhan, ianya adalah seperti berikut iaitu 10.18% bagi tahun 2015, 31.53% bagi tahun 2016 dan 33.96% bagi tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN****DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQUULLAH****SOALAN : 441**

PR-1352-T01020

**Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan apakah usaha Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dalam menangani masalah penularan berita palsu melalui media sosial.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa berkerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan yang berkaitan dalam menangani gejala penularan kandungan serta berita palsu di platform media sosial, laman sesawang dan Internet amnya.

Undang-undang yang sedia ada adalah;

- i. Kanun Keseksaan;
- ii. Akta Hasutan 1984;
- iii. Akta Fitnah 1957; dan

**SOALAN NO: 441**

- iv. Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM98) di mana Jabatan Peguam Negara akan menentukan peruntukan yang paling sesuai untuk tindakan pendakwaan.

Dalam tahun ini sahaja, pelbagai tindakan telah diambil ke atas hampir 2000 akaun palsu yang telah dikenal pasti termasuk sekatan dan penutupan akaun. Untuk tindakan penutupan akaun, akaun-akaun palsu akan dilaporkan kepada pihak penyedia perkhidmatan media sosial yang kebanyakannya berada di luar negara seperti Facebook dan Twitter berdasarkan pelanggaran terma dan syarat yang ditetapkan oleh mereka sendiri. Daripada 2000 akaun palsu tersebut, hampir 75% telah diambil tindakan dan selebihnya masih dalam siasatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh Januari 2016 hingga Jun 2017, sebanyak 221 kes melibatkan media baharu termasuklah media sosial, laman sesawang dan blog telah disiasat. Daripada jumlah tersebut, 19 kes telah dikenakan kompaun dan 5 kes telah didakwa dan disabitkan kesalahan.

Kerajaan juga telah menyediakan portal SEBENARNYA.MY sebagai salah satu usaha menyokong inisiatif untuk menangani masalah penularan berita palsu. Aplikasi mudah alih juga sedang dibangunkan untuk portal tersebut untuk memudahkan proses pengaduan. Sementara itu, orang awam boleh membuat aduan dan laporan menggunakan saluran sedia ada melalui Whatsapp, SMS, emel, telefon atau hadir sendiri ke pejabat SKMM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN TARIKH**

**SOALAN : NO. 442**

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa peruntukan perbelanjaan bekalan dan perbelanjaan pembangunan diperuntukkan untuk Kementerian Pendidikan Tinggi dalam tahun 2015, 2016 dan juga 2017 adalah untuk dibelanjakan di Negeri Sarawak. Apakah peratusan peruntukan tersebut terdiri daripada peruntukan keseluruhan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan mengurus dari tahun 2015 hingga 2017 yang diperuntukkan untuk institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) di negeri Sarawak adalah sebanyak RM753.9 juta. Bagi tempoh yang sama, jumlah peruntukan pembangunan yang diperuntukkan kepada IPTA di negeri Sarawak pula adalah sebanyak RM67.1 juta.